



TERMA DAN SYARAT PERADUAN
BSN TAHUN BAHARU CINA 2023
TERMS AND CONDITIONS BSN CHINESE NEW YEAR 2023 CONTEST

TEMPOH PERADUAN / CONTEST PERIOD

1. Peraduan **#BSNTahunBaharuCina2023** (“**Peraduan**”) dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) dan akan berlangsung dari **9 Januari 2023 hingga 27 Januari 2023**, (“**Tempoh Peraduan**”), melainkan dinyatakan sebaliknya oleh BSN. / *#BSNChineseNewYear2023 Contest (“Contest”) is organized by Bank Simpanan Nasional (“BSN”) and takes place from 9 January until 27 January 2023, (“Contest Period”), unless notified otherwise by BSN.*
2. Tertakluk kepada Klausula 37, semua penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan tamat adalah dianggap terbatal. / *Subject to Clause 37, all applications received outside the Contest Period will be disqualified.*

KELAYAKAN / ELIGIBILITY

3. Semua warganegara Malaysia adalah layak untuk menyertai Peraduan ini (“**Peserta Yang Layak**”) kecuali individu yang disenaraikan di bawah Klausula 4. / *All Malaysian citizen are eligible to participate in this Contest (“Eligible Participant”) except individuals listed in Clause 4 below.*
4. Entiti-entiti/individu-individu yang berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Peraduan ini: / *The following entities/individuals are **NOT ELIGIBLE** to participate in the Contest:*
 - a. Kakitangan tetap dan/atau kontrak BSN, termasuk anak syarikat dan/atau syarikat-syarikat berkaitan BSN (“**Kakitangan**”); / *Permanent and/or contract employees of BSN and subsidiaries and/or related companies of BSN respectively (“Staff”);*
 - b. Wakil-wakil dan/atau ejen-ejen (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengiklanan, ejen promosi dan pembekal perkhidmatan, vendor komputer/sistem/teknologi) BSN; / *Representatives and/or agents (including but not limited to advertising, promotion agents and service providers, vendors computer/systems/technology) of BSN respectively;*
 - c. Individu di bawah umur 12 tahun; / *Individuals below the age of 12 years old;*
 - d. Bukan warganegara Malaysia. / *Non Citizen of Malaysia.*

MEKANISME PERADUAN / CONTEST MECHANISM

5. Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta Yang Layak hendaklah melakukan perkara-perkara berikut: / *To participate in this Contest, the Eligible Participant shall perform the following:*
 - a. Ikuti Facebook BSN Malaysia @bsnmalaysia (“**Laman Peraduan/Laman Media Sosial Rasmi BSN**”). / *Like BSN Malaysia Facebook @bsnmalaysia (“Contest Site/BSN’s Official Social Media Page”).*
 - b. BSN akan memuatnaik tiga (3) video sepanjang tempoh peraduan (“**Video Peraduan**”) di halaman FB, di mana Video Peraduan tersebut akan mengandungi soalan untuk Peraduan; / *BSN will post three (3) videos throughout the Contest Period (the “Contest Video”) on BSN FB page, in which the Contest Video will contain, the questions for the Contest;*



TERMA DAN SYARAT PERADUAN
BSN TAHUN BAHARU CINA 2023
TERMS AND CONDITIONS BSN CHINESE NEW YEAR 2023 CONTEST

- c. Semasa Tempoh Peraduan, Peserta yang Layak perlu meninggalkan jawapan di bahagian komen pada Video Peraduan di halaman Facebook BSN dan tag tiga (3) rakan di bahagian komen yang sama dengan jawapan untuk menyelesaikan penghantaran penyertaan untuk peraduan. / *During the contest period, leave an answer in the comment section of the Contest Video and tag three (3) friends in the same comment section as the answer to complete the submission for the contest.*
- d. Peserta terpuan yang meninggalkan jawapan yang betul dan tag tiga (3) rakan di bahagian komen akan diumumkan sebagai pemenang. / *The first three (3) participants to leave the correct answer and tag three (3) friends in the comment section will be announced as winners.*
- e. Sekiranya tidak ada komen jawapan yang betul dalam turutan yang dinyatakan BSN berhak memilih / mengganti pemenang secara rawak dari komen yang sedia ada. / *Should there be no correct answers in the indicated sequence, BSN reserves the right to select/replace a winner at random from the available comments.*
- f. Pastikan akaun Facebook tidak ditetapkan sebagai mod privasi. / *Ensure Facebook account is not set to private mode.*

HADIAH / PRIZES

6. Berikut adalah hadiah yang ditawarkan di bawah Peraduan ini ("**Hadiah**"): / *Prizes offered under this Contest are as below ("**Prizes**"):-*

Bil / No	Kategori Hadiah / Prize Category	Hadiah / Prizes
1.	Soalan Pertama <i>First Question</i>	Baucar RM100 BSN SSP x 9 Pemenang / <i>RM100 BSN SSP Voucher x 9 Winners</i>
2.	Soalan Kedua <i>Second Question</i>	
3.	Soalan Ketiga <i>Third Question</i>	

7. Pemilihan Pemenang akan dibuat dalam masa sepuluh (10) hari bekerja setelah berakhirnya Tempoh Peraduan. Senarai pemenang akan diumumkan di saluran media sosial BSN iaitu Facebook BSN dan Instagram BSN. / *The winner's selection will be made within ten (10) working days after the end of the Contest Period. The list of winners will be announced on BSN's social media channel i.e. BSN Facebook and BSN Instagram.*
8. Sekiranya pihak BSN mendapati akaun Facebook bukan milik persendirian Peserta Yang Layak atau Peserta Yang Layak mempunyai lebih daripada satu (1) akaun, BSN berhak untuk memilih hanya satu (1) akaun sahaja sebagai pemenang atau membatalkan penyertaan Peserta Yang Layak dan BSN berhak memilih pemenang tambahan sebagai pengganti. / *If BSN discovers that the Facebook account is not individually owned by the Eligible Participant or the Eligible Participant has more than one (1) account, BSN reserves the right to choose*



TERMA DAN SYARAT PERADUAN
BSN TAHUN BAHARU CINA 2023
TERMS AND CONDITIONS BSN CHINESE NEW YEAR 2023 CONTEST

only one (1) account as winner or will disqualify the entry of Eligible Participant and BSN reserves the right to select additional winner as replacement.

9. Pemenang dikehendaki untuk menghantar butiran mereka ("**Butiran Pemenang**") melalui "Mesej Peribadi" di Laman Peraduan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pengumuman pemenang, seperti berikut: / *Winners are required to submit their details ("Winners Details") via "Private Message" on Contest Site within fourteen (14) working days from the winners' announcement post, as follows:*
 - i) Nama penuh seperti di Kad Pengenalan (MyKad); / *Full name as per Identification Card (MyKad);*
 - ii) Nombor Kad Pengenalan; / *Identification Card Number;*
 - iii) Alamat surat-menyurat; / *Mailing address;*
 - iv) Nombor telefon bimbit; dan / *Mobile number; and*
 - v) Emel. / *Email.*
 10. Pemberian Hadiah adalah melalui pos dengan syarikat kurier yang akan ditentukan oleh BSN. / *The Prizes will be delivered to winners via courier service which will be determined by BSN.*
 11. BSN merizabkan hak untuk memilih pemenang tambahan untuk menggantikan mana-mana pemenang yang mungkin tidak layak atau tidak dapat dihubungi dalam masa empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pengumuman pemenang atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain sepanjang Tempoh Peraduan. / *BSN reserves the right to select any additional winner to substitute any winner who may be ineligible or cannot be contacted within fourteen (14) working days from the date of winners' announcement or disqualified for any reason whatsoever throughout the Contest Period.*
 12. Hadiah akan diberikan kepada pemenang dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas pemenang diumumkan dan pemenang memberikan Butiran Pemenang yang lengkap selaras dengan Klausula 10 di atas kepada BSN. / *The Prizes will be rewarded to the winners within sixty (60) days after announcement of the winners and the winners have furnished the Winner Details in accordance to Clause 10 to BSN.*
 13. Kaedah untuk penebusan Hadiah adalah seperti berikut / *Method to redeem the Prizes are as follows:-*
 - i) Pemenang perlu hadir ke mana-mana Cawangan BSN dengan membawa baucar BSN SSP yang dimenangi bagi tujuan penebusan di kaunter. Proses tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN untuk penebusan baucar BSN SSP. / *Winners are required to visit any BSN Branch with the BSN SSP voucher for redemption purposes at the counter. Terms and conditions for BSN SSP voucher redemption apply.*
 - ii) Baucar BSN SSP hanya boleh ditebus kepada BSN SSP sahaja dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai. / *BSN SSP voucher can only be redeemed to BSN SSP and cannot be exchanged for cash.*
 - iii) Penebus baucar mestilah individu yang berumur dua belas (12) tahun dan ke atas serta memiliki Kad Pengenalan/Pasport dan mempunyai alamat tetap di Malaysia. / *Voucher redeemers must be individuals aged twelve (12) years and above and possess an*
-



**TERMA DAN SYARAT PERADUAN
BSN TAHUN BAHARU CINA 2023
TERMS AND CONDITIONS BSN CHINESE NEW YEAR 2023 CONTEST**

Identity Card/Passport and have a permanent address in Malaysia.

- iv) Setelah baucar BSN SSP ditukarkan kepada BSN SSP, pemegang BSN SSP adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat BSN SSP. / *Once the BSN SSP voucher is converted to BSN SSP, the BSN SSP holder is subject to the Terms and Conditions of BSN SSP.*
 - v) Tempoh sah laku baucar BSN SSP adalah enam (6) bulan dari tarikh yang tertera di baucar BSN SSP. / *The validity period of the BSN SSP voucher is six (6) months from the date written on the BSN SSP voucher.*
 - vi) BSN tidak akan menanggung atau bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, pendakwaan, kerugian, ganti rugi, pembayaran dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh mana-mana pihak, diakibatkan oleh sebarang kerugian tempoh luput, pengeluaran, pembelian atau apa-apa urusan melibatkan baucar BSN SSP tersebut. / *BSN will not bear or be responsible for any claims, prosecutions, losses, damages, payments and expenses that may be incurred by any party, resulting from any loss of expiry, withdrawal, purchase or any matter involving the BSN SSP voucher.*
 - vii) Maklumat penuh Terma dan Syarat baucar BSN SSP terdapat di belakang baucar BSN SSP. / *Detailed Terms and Conditions of the BSN SSP voucher can be found on the back of the BSN SSP voucher.*
14. BSN berhak dengan budi bicaranya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis jika hadiah tersebut tidak tersedia atas apa jua alasan. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya. / *BSN reserves the right in its discretion to substitute any of the Prizes with items of equivalent value, at any time without prior notice if the awarded Prizes are unavailable for any reason whatsoever. All Prizes are given on an "as is" basis and are not exchangeable for cash, credit, other items, in part or in full.*
15. Semua pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat BSN bagi Peraduan ini serta Terma dan Syarat yang disertakan dengan Hadiah, sekiranya ada. / *All winners shall abide to the Terms and Conditions of BSN for this Contest and the Terms and Conditions attached to the Prizes, if any.*
16. Sekiranya pemenang perlu untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah atau acara publisiti lain, pihak Bank akan memaklumkan kepada pemenang melalui apa-apa kaedah yang difikirkan sesuai di mana sebarang kos sampingan termasuk tetapi tidak terhad kepada kos perjalanan adalah ditanggung oleh pemenang. / *In the event the winners are required to attend the Prizes giving ceremony or any other publicity event, the Bank will inform the winners via any communication medium the Bank deemed necessary where all the incidental costs including but not limited to traveling cost shall be borne by the winners.*
17. Sekiranya pemenang tidak dapat hadir ke majlis penyampaian Hadiah atau acara publisiti lain, pemenang boleh menghantar wakil untuk menghadiri majlis berkenaan. Wakil tersebut hendaklah membawa surat kebenaran asal yang ditandatangani oleh pemenang berserta salinan Kad Pengenalan (MyKad) pemenang dan/atau dokumen sokongan lain yang akan ditentukan oleh BSN. / *If the winners are unable to attend the Prizes giving ceremony or any other publicity event, winners may appoint winners' representative to attend the ceremony on their behalf. The representative must provide an original authorization letter signed by the winner together with a copy of the winner's Identification Card (MyKad) and/or other supporting documents as may be*
-



**TERMA DAN SYARAT PERADUAN
BSN TAHUN BAHARU CINA 2023
TERMS AND CONDITIONS BSN CHINESE NEW YEAR 2023 CONTEST**

determined by BSN.

18. BSN berhak mengubah tarikh dan/atau tempat yang telah ditentukan bagi tuntutan/majlis serahan Hadiah kepada tarikh dan/atau masa dan/atau tempat lain yang akan dimaklumkan oleh BSN kepada pemenang dari semasa ke semasa. / *BSN reserves the right to change the date and/or venue for the Prizes collection/giving ceremony to a different date and/or time and/or venue that will be notified by BSN to the winners from time to time.*
19. BSN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti dan/atau kesesuaian apa sahaja hadiah dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang hadiah yang hilang, dicuri atau rosak semasa penghantaran. Pemenang perlu berurusan secara langsung dengan pihak kurier untuk maklumat jaminan atau tuntutan tanpa perlu melalui BSN. / *BSN makes no representation or warranty with respect to quality and/or suitability of the prizes and shall not be responsible to replace any lost, stolen or defective prizes during delivery. The winner is to deal directly with the courier service for such warranty information or claim without recourse to BSN.*
20. Penentuan pemenang adalah muktamad. Tiada sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes akan dilayan. / *The determination of the winners is final. No correspondence, queries, appeals or protest will be entertained.*

HAK BANK / BANK'S RIGHT

21. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Peraduan ini sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN, walaupun selepas segala usaha terbaik BSN dilakukan. / *BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Contest in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN, despite the best efforts of BSN.*
22. BSN berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta Yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Peraduan, operasi Peraduan ini atau melanggar Terma dan Syarat Peraduan. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti negatif berkait dengan Peraduan ini. / *BSN reserves the right, in its discretion, to disqualify any Eligible Participant that is found or suspected of tampering with the Contest's process, the operation of this Contest or to be in violation of the Terms and Conditions of this Contest. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Contest.*

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

23. Peserta Yang Layak adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Peraduan ini. / *Eligible Participant shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Contest.*



**TERMA DAN SYARAT PERADUAN
BSN TAHUN BAHARU CINA 2023
TERMS AND CONDITIONS BSN CHINESE NEW YEAR 2023 CONTEST**

24. Sebarang kos yang dikeluarkan untuk menyertai Peraduan ini dan/atau menuntut Hadiah adalah di bawah tanggungjawab penuh Peserta yang Layak/pemenang. / *Any expenses incurred to participate in this Contest and/or to redeem the prize is the sole responsibility of the Eligible Participant / winners.*
25. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Peraduan ini. / *BSN is not responsible for technical problems that prevent any individual from participating in this Contest.*
26. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu daripada penyertaan Peraduan ini. / *BSN cannot guarantee and does not promise any specific results from participating in this Contest.*

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

27. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta Yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya, untuk menggunakan Data Peribadi dan Butiran Penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Peraduan ini. / *By participating in this Contest, the Eligible Participant hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates, to use the Personal Data and Participation Details as provided to BSN for the purposes of this Contest.*
28. Peserta yang Layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk: / *Eligible Participant has the right at any time to:*
 - a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi; / *Withdraw their consent for the use of Personal Data;*
 - b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan / *Request for any correction/update of Personal Data; and*
 - c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi BSN. / *Raise any questions regarding the use of Personal data by contacting BSN.*

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

29. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta yang Layak dianggap telah bersetuju: / *By participating in this Contest, all Eligible Participant deemed to have agreed:;*
 - a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat berkaitan dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan / *To be bound by the Terms and Conditions herein and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and*
 - b) Untuk mengakses laman web www.bsn.com.my ("**Laman Web BSN**") dan Laman Media Sosial BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Peserta Yang Layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat. / *To access to www.mybsn.com.my ("BSN's Website") dan BSN's Media Social Page on regular basis to ensure that the Eligible Participant is updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.*
-



**TERMA DAN SYARAT PERADUAN
BSN TAHUN BAHARU CINA 2023
TERMS AND CONDITIONS BSN CHINESE NEW YEAR 2023 CONTEST**

30. Peserta yang Layak bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, untuk tujuan Peraduan ini selaras dengan Notis Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN. / *Eligible Participant agrees and consents to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any, for the purposes of this Contest in accordance with BSN's Privacy Notice, which may be viewed on BSN's website.*
 31. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Peraduan ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Peserta yang Layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan. / *All BSN's decisions relating to the Contest is final, binding on all Eligible Participant, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.*
 32. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan dan/atau Hadiah. / *In no events will BSN be responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Contest and/or Prizes.*
 33. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Peraduan ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Peraduan ini disebabkan oleh kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN. / *BSN shall not be responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Eligible Participant resulting, directly or indirectly, from participation in the Contest or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under the Contest due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.*
 34. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta yang Layak dan pemenang memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Peserta yang Layak dan pemenang untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dan pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. / *By participating in this Contest, the Eligible Participant and winners consent to BSN the right to publish or display the name, picture or any other information of the Eligible Participant and winners for current and future advertising and promotional purposes and winners announcement in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate.*
 35. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila
-



**TERMA DAN SYARAT PERADUAN
BSN TAHUN BAHARU CINA 2023
TERMS AND CONDITIONS BSN CHINESE NEW YEAR 2023 CONTEST**

masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau Laman Media Sosial BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. / *BSN reserves the right at its absolute discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN Social Media Page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate.*

36. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk menarik balik, membatalkan, menggantung Peraduan ini lebih awal daripada Tempoh Peraduan atau melanjutkan atau menukar Tempoh Peraduan termasuklah tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Peraduan dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini. / *BSN at its discretion may withdraw, cancel or suspend the Contest earlier than the Contest Period or extend or change the Contest Period including but not limited to the commencement and end date of the Contest Period by giving notice within the period BSN deems reasonable. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Participant, directly or indirectly, caused by the changes.*
37. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Peserta yang Layak dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Peserta yang Layak melalui paparan di BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di Laman media sosial BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN. / *Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Participant and be deemed to be brought to the Participant's attention and knowledge by its display at BSN or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN's Social Media Page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit.*
38. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Peraduan ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Peraduan ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Peraduan yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara pihak BSN. / *In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Contest, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Contest which is not covered in these Terms and Conditions will be determined by BSN at its discretion.*
39. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia. / *These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.*

**- TERMA DAN SYARAT PERADUAN TAMAT -
- END OF CONTEST TERMS AND CONDITIONS-**
